



Berita BANDARAYA

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my
Bil.7 Julai 2005/Jamadilakhir 1426H

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

D E W A N B A N D A R A Y A K U A L A L U M P U R

TAMAN DUSUN BANDAR (CITY ORCHARD PARK)

Kuala Lumpur akan membangunkan sebuah lagi kawasan hijau untuk warga kotanya. Jika sebelum ini kawasan-kawasan hijau tertumpu kepada kemudahan untuk berekreasi sahaja, kawasan hijau yang terbaru ini akan berkonsepkan sebuah dusun dalam bandar yang mana tanya akan ditanam dengan pokok buah-buahan dan herba. Taman baru ini akan dikenali sebagai Taman Dusun Bandar (City Orchard Park).

Tinjauan ke tapak kawasan hijau ini telah dilakukan pada 27 Julai 2005, diketuai oleh Y.Bhg. Datuk Haji Ruslin bin Haji Hasan, Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama-sama dengan pegawai-pegawai kanan DBKL. Datuk Bandar selain berpuas hati dengan kawasan yang dimaksudkan masih telah pun mengatur langkah-langkah awal yang perlu dibuat bagi memastikan taman baru ini menjadi sebuah kawasan rekreasi yang berfaedah kepada warga kota dan juga pelancong luar.

Taman Dusun Bandar (City Orchard Park) merupakan sebuah kawasan bekas setinggan yang disempadani oleh Sekolah Menengah Kuen Cheng di sebelah barat, kuarters kerajaan di sebelah utara dan tapak perkuburan Cina di sebelah selatan. Taman Dusun Bandar ini diharap akan menjadi satu destinasi tumpuan wargakota dan pelancong dalam mengenali, menikmati dan mempelajari pelbagai jenis buah-buahan tempatan yang terdapat di Malaysia. Dengan berteraskan konsep dusun dalam bandar, kawasan ini akan menjadi taman yang dibangunkan dengan pelbagai spesis tanaman buah-buahan tempatan termasuk spesis nadir.

Kawasan ini sesuai dibangunkan sebagai salah satu City Orchard Park kerana ia merupakan yang pertama dibangunkan di kawasan bandar. Laluan masuk ke taman dusun ini ialah melalui Jalan Bellamy dan keluasannya dianggarkan seluas 19 ekar. Secara keseluruhannya keadaan tapak adalah bercerun landai kecuali di bahagian timur dan selatan yang terdapat parit yang diapit oleh lurah yang cerun. Ianya mempunyai topografi yang tidak rata serta berdekatan dengan kawasan Istana Negara.

Taman ini bakal merupakan ‘showcase’ bagi lain-lain tanaman herba dan rempah ratus, pisang dan kelapa. Dusun dalam taman ini akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti taman-taman lain. Jumlah keseluruhan jenis pokok



Datuk Hj. Ruslin, Tuan Hj. Salleh dan Pegawai-Pegawai Kanan DBKL sedang merentasi pelan cadangan Taman Dusun Bandar masa lawatan tapak baru-baru ini. - Gambar Berita Bandaraya

buah-buahan yang dicadangkan adalah dianggarkan sebanyak 100 spesis.

Taman Dusun Bandar ini juga akan dilengkapi dengan laluan masuk utama, laluan pejalan kaki, pejabat pengurusan dan penerangan, tempat letak kereta, pavillion ‘buah-buahan’, wakaf, kiosk jualan minuman dan makanan herba dan rempah ratus, tandas, pagar keselamatan, papan tanda(arahan), ‘Suspension bridge’/canopy walkway, laluan tanaman herba dan rempah ratus, ‘Tree House’, ‘Tree tag’, bangku duduk, tong sampah serta lampu dan sistem penyiraman. Kos keseluruhan bagi membina Taman Dusun Bandar (City Orchard Park) ini dianggarkan RM10 juta.



Bekas kawasan setinggan Kg. Delima yang menjadi tapak cadangan Taman Dusun Bandar. - Gambar Berita Bandaraya

Dari Meja Datuk Bandar

Kawasan Hijau di Bandaraya

Kebelakangan ini kawasan hijau di ibukota telah menjadi satu isu yang kerap diperkatakan. Pelbagai pihak memperkatakan-

nya baik individu maupun organisasi tertentu.

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, DBKL mempunyai tanggungjawab tertentu termasuk terhadap tanggungjawab sosial dan moral untuk memelihara serta mengekalkan kawasan hijau yang menjadi sebahagian sistem-eco Kuala Lumpur. Nilai semulajadi dan intrisik kawasan hijau tidak dapat diketepikan di dalam sebuah Bandaraya yang sedang pesat berkembang walaupun banyak hutan konkret diwujudkan.

DBKL amat prihatin atas peranan penting pokok-pokok, rumput-rampai dalam menjana oksigen di samping menurunkan suhu kepanasan di Bandaraya. Memelihara dan menjaga kehidupan liar dan kawasan rekreasi adalah juga merupakan sebahagian daripada agenda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk pembangunan mapan.

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 telah mengenalpasti rancangan pembangunan untuk keseluruhan kawasan 243 km persegi di Bandaraya. Di dalam pelan ini perbekalan (provision) telah diambilkira untuk memelihara kawasan-kawasan hijau.

Atas sikap prihatin ini, saya dan pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melakukan satu lawatan ke kawasan-kawasan hijau yang kerap diperkatakan kebelakangan ini. Hasil daripada lawatan berkenaan, DBKL telah mengenalpasti beberapa kawasan hijau (taman-taman) yang berpotensi untuk dipergiatkan penggunaannya di samping beberapa kawasan lain yang masih perlu dikekalkan

peranannya.

Kuala Lumpur bakal memperolehi sebuah lagi kawasan hijau yang berkonsepkan dusun dalam bandar. Dalam lawatan berkenaan, DBKL telah mengenalpasti tapak bekas setinggan Kampung Delima, Jalan Bellamy untuk dijadikan Taman Dusun Bandar. Taman ini berkonsepkan sebuah taman yang akan ditanam dengan pokok buah-buahan serta herba dan dibuka kepada orang ramai. Adalah menjadi harapan saya agar taman baru ini akan menjadi salah satu daya tarikan pengunjung di samping dapat menambah lagi bilangan kawasan hijau di dalam Bandaraya.

Manakala penggunaan kawasan-kawasan hijau lain seperti Taman Metropolitan Kepong akan diaktifkan sepenuhnya. DBKL bercadang dan berharap agar taman ini dapat dijadikan sebagai pusat aktiviti permainan layang-layang baik di peringkat negeri maupun antarabangsa. Lokasinya yang berangin amat bersesuaian untuk aktiviti ini. Taman ini juga akan dijadikan sebagai pusat memancing yang dibenarkan memandangkan kawasan tasiknya yang amat luas serta sering menjadi tempat para pemancing.

Lawatan ke kawasan Bukit Kiara juga mendapati kawasan tersebut berpotensi untuk dikekalkan sebagai kawasan hijau. Walau bagaimanapun, DBKL masih mengkaji secara mendalam permohonan pihak-pihak tertentu untuk pembangunan kawasan ini.

Sayugia diingatkan, warga kota harus sedar dan menerima hakikat bahawa pembangunan mestilah dijalankan untuk memenuhi keperluan penduduk di Kuala Lumpur yang pada ketika ini sedang pesat membangun. Namun begitu, beberapa pelan struktur sebelum ini dan yang akan datang telah mengambilkira kesemua aspek termasuk keperluan kawasan hijau untuk melindungi "flora dan fauna" agar sentiasa hidup dan subur.

Sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur, saya akan cuba sedaya upaya untuk memastikan kawasan-kawasan hijau di Bandaraya tercinta ini dapat dipelihara dan dikekalkan walaupun pembangunan perlu dilaksanakan.

Pandangan

Berita Bandaraya / KL City News akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: Sidang Redaksi Berita Bandaraya / KL City News Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 29 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut 50350, Kuala Lumpur. e-mel akhbar@dbkl.gov.my Tel: 603-2617 9013 Faks: 603-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menurut, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

Sidang Redaksi

Penasihat: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin b. Hj. Hasan Ketua Editor: Tuan Hj. Salleh b. Yusup Editor: Hanim bt. Hj. Hashim Sub-Editor: Suriyana bt. Ismail Jurufoto: Abd. Rhani b. Md. Shohor

From the Mayor's Desk

Green Area in the City

Recently the issue of green areas in the City has been the main topic of conversation among individuals and various organizations.

As a Local Authority, City Hall Kuala Lumpur has specific responsibilities, and a social and moral responsibility to maintain and ensure that the green areas that form part of the eco-system of Kuala Lumpur are kept intact.

The natural and intrinsic value of green lungs cannot be denied in a fast growing city although concrete jungles are created.

City Hall is very conscious of the role of trees and greenery that generate oxygen and help to bring down the "heat" in the city. Maintaining and taking care of the flora and fauna represents a part of City Hall's agenda for sustainable development.

The Kuala Lumpur Structure Plan 2020 has already identified development plans for the 243 sq.km city. In this plan, provision has been made to maintain the green areas.

Based on this concern my officers in City Hall and I, have made regular visits to the green areas that have recently attracted much attention. City Hall has identified various potential green areas (parks) with a view to enhance activities there and others to be strengthened and preserved.

The City will soon see another green area encompassing the

concept of an orchard. City Hall has identified an ex-squatter area in Kampung Delima, Jalan Bellamy to be transformed into a City Orchard Park. The proposed park, which will be planted with fruit trees and herbal plants will be open to the public. It is my hope that this park will be an attraction to visitors, while at the same time increase the green areas in the city.

In the mean time, the green areas like Taman Metropolitan Kepong will be fully activated. City Hall intends to convert this area into a kite flying centre for both local and international competitions. This windy location will also be made into a fishing centre due to its vast expanse of water (lakes) that are currently popular for angling activities.

The Bukit Kiara area has the potential to be maintained as a green area. However, City Hall has also received applications from certain parties to develop the area.

It must be stressed however that City folk must accept the reality that development must continue to fulfill the needs of the city's growing residents. Various structure plans prior to now and in future have and will consider all these aspects including green areas to safeguard the flora and fauna so that they can live healthily.

As Mayor of the City, I will strive to the best of my ability to ensure that the green areas are maintained and preserved, even though development is carried out.

EDITORIAL BOARD

Advisor: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin b. Hj. Hasan, **Editor in Chief:** Tuan Hj. Salleh b. Yusup, **Editor:** Hanim bt. Hj. Hashim, **Sub-Editor:** Suriyana bt. Ismail
Photographer: Abd. Rhani b. Md. Shohor, **Editor's Address:** Kuala Lumpur City News, Public Affairs & International Unit, Level 29, City Hall Building, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur. Tel: 603-2617 9013 Fax: 603-2694 1373. e-mail: akbar@dbkl.gov.my